

# KEPENTINGAN AKIDAH DALAM SESEBUAH NEGARA

**BRUNEI**  
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION  
**MYCE 2021**

**BERAKAS**, Rabu, 2 Jun. - Islam yang telah tersebar dan berkembang di alam Melayu ini mempunyai kelebihan keunikan dan kekuatannya yang tersendiri dalam amalan-amalan keislamannya maka harus dipertahankan sebagai satu alternatif kepada Islam global berdasarkan satu pendekatan yang dilaksanakan oleh para ulama terdahulu dalam menyampaikan Islam kepada masyarakat setempat masing-masing.

Kekuatan penyebarannya juga justeru sokongan dan dukungan pemerintah yakni raja-raja Melayu selari dengan satu kata-kata hikmat Ibn Khaldun 'Manusia menurut agama raja-raja mereka'.

Perkara tersebut antara yang disentuh oleh Profesor Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dato' Dr. Mohd. Fakhruddin bin Abdul Mukti pada ucapan semasa Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Kali Ke-X (ICON-IMAD X) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BERAKAS**, Rabu, 2 Jun. - Sebanyak empat kertas kerja dibentangkan dalam sesi seminar bagi Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Kali Ke-X (ICON-IMAD X) bagi sebelah petang yang melibatkan pembentang tempatan dan luar negara berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Pensyarah Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah dengan Kertas Kerja bertajuk 'Perusahaan Padi di Negara Brunei Darussalam dan Nusantara : Tuntutan Islam dan Jaminan Sekuriti Makanan', antaranya menyentuh mengenai kepentingan pengusahaan padi di Negara Brunei Darussalam bagi menghasilkan bekalan yang mencukupi untuk penduduk negara ini.

Kertas Kerja tersebut juga menyentuh mengenai isu *food security* yang menjadi cabaran global pada masa ini. Sementara itu budaya bertani ini adalah suatu aktiviti yang sangat digalakkan dalam Islam.

Manakala Pensyarah Akademi Pengajian Brunei, UBD, Profesor Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail telah menghuraikan Kertas Kerjanya bertajuk 'Pentadbiran Islam Brunei : Satu Kajian Kebangkitan' pula menyentuh tentang kronologi perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam dan beberapa fakta sejarah yang menunjukkan awal kedatangan Islam ke Brunei dan beberapa pendapat orientalis mengenainya.

Manakala dua pembentangan Kertas Kerja luar negara secara



**PROFESOR** Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dato' Dr. Mohd. Fakhruddin bin Abdul Mukti ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Kali Ke-X (ICON-IMAD X) (kiri). Sementara gambar kanan, salah seorang ahli panel yang turut membentangkan kertas kerja pada persidangan tersebut.

Menurut Profesor Dato' Dr. Mohd. Fakhruddin, umat Islam di rantau ASEAN ini harus bersyukur kerana kita lebih berpotensi menampilkan Islam sebagai agama pembawa rahmat.

"Islam yang mendukung *wasatiyyah* yang sebenar justeru mendapat dukungan dan sokongan pemerintah terutamanya oleh Paduka Raja-Raja Melayu selaku ketua-ketua agama Islam," ujarnya.



Profesor Dato' Dr. Mohd. Fakhruddin menjelaskan, kita menghargai pendekatan Brunei di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang meletakkan akidah Ahli Sunnah Waljamaah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

tercatat kemas dalam perlembagaan negara bahkan turut mencatatkan dalam Perisytiharan Kemerdekaan bahawa negara mendukung demokrasi bersendikan Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Tambahnya, ini satu kekuatan yang menjadi peneraju kepada akidah Ahli Sunnah Waljamaah di alam Melayu dan membantu meneguhkan akidah Ahli Sunnah Waljamaah dalam hati umat Islam.

Profesor Dato' Dr. Mohd. Fakhruddin menjelaskan, satu aliran yang menjadi dominan di persada alam Melayu ini ialah Islam dibawa bersama dengan akidah syariat dan akhlak secara serentak, di mana ia satu kombinasi yang kuat dan kukuh yang tradisinya berjalan merentasi segenap lapisan masyarakat di rantau ini. Tiga kombinasi yang menatangi Islam yang disebar kepada masyarakat.

"Umat Islam di Malaysia, Indonesia, Brunei, Filipina, Singapura dan Thailand serta rantau Asia Tenggara mempunyai komitmen Islam yang tersendiri yang ajaran-ajarannya dibawa oleh para ulama' terdahulu yang sebahagian besar dari lepasan

institusi Islam di Timur Tengah terutamanya Al-Azhar yang mendukung *wasatiyyah*. Mazhabiyah dan akidah Al-Asyariyyah Al-Maturidiyyah sangat secukup dengan komitmen Islam di rantau ini. Justeru, aliran pemikiran lain yang bercanggah dengannya sukar menembusi umat Islam yang dipimpin oleh kalangan ulama Al-Azhar," ujarnya lagi.

Beliau seterusnya menambah dalam melestarikan Islam di dunia Melayu asas akidah harus diperkaskan. Pendekatan UNISSA menjadikan akidah Ahli Sunnah Waljamaah sebagai subjek teras kepada semua pelajar di universiti itu adalah sesuatu yang harus menjadi ikutan kepada institusi pengajian tinggi Islam di negara Islam khususnya di rantau ASEAN ini.

Jelasnya, ini bagi memahamkan generasi akan datang kepentingan akidah dalam sesebuah negara dan kesahihan akidah Islam yang kita dukung dan ia juga menjadi sumber perpaduan rakyat dan mereka bolehlah menumpukan tenaga dalam membangunkan negara dengan keilmuan dan kepakaran masing-masing.

## Pembentangan ICON-IMAD X

visual yang telah dibuat rakamannya disiarkan dalam persidangan ini.

Dr. Safinah Ismail dari Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia dengan tajuk 'Kaedah Komunikasi Guru Terhadap Kanak-Kanak dalam Tahfiz Al-Quran' membincangkan cadangan kaedah komunikasi yang berkesan bagi kanak-kanak dalam penghafazan Al-Quran.

Sementara itu, Dr. Syed Muhammad Adib Termizi bin Ahmad Al-Jafari, pembentang dari Singapura pula membentangkan tajuk Kertas Kerja bertajuk 'Sumbangan Bukan Islam kepada Masjid' telah membincangkan isu pemberian harta *non* Muslim bagi kegunaan masjid.

Apa yang dikaji oleh pembentang ialah harta *non* Muslim berkemungkinan bersumberkan yang tidak halal dan kesimpulan daripada kajian pembentang ialah harus bagi pihak masjid menerima sumbangan daripada golongan bukan Islam dengan beberapa syarat yang bersangkutan dengan harta sumbangan tersebut dan tujuannya dalam menyumbang serta implikasi yang terbit darinya.

Sementara itu, dalam Pembentangan Perdana sebelah pagi disampaikan oleh empat pembentang. Bersesuaian dengan tajuk yang dibentangkan para perwakilan telah berjaya mengupas dengan terperinci mengenai beberapa perkara yang ditekankan.

Pembentang pertama iaitu Pemangku Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,



**AHLI-ahli** panel ketika membentangkan kertas kerja pada Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Kali Ke-X (ICON-IMAD X) tersebut.

Profesor Madya Dr. Fauzi Hamat, dengan tajuk pembentangan 'Melestarikan Islam di Alam Melayu Melalui Pengajian Usuluddin' menekankan bahawa Pengajian Usuluddin harus dijadikan landasan untuk menolak ajaran-ajaran atau fahaman sesat dan songsang sama ada lama atau baru yang bercanggah dengan huraian mazhab al-Asha'irah dan al-Maturidiyah kerana ia menjadi mazhab arus perdana di rantau ini.

Sementara itu, pembentang kedua ialah Direktur Pascasarjana UIN Sunan Gunung Djati, Bandung, Indonesia Profesor Supiana dengan tajuk 'Pengembangan Studi Islam di

Indonesia' pula mengongsikan bahawa kajian sains atau kajian ilmu-ilmu yang muncul kerana eksperimen (burhani) sekarang-sekarang ini, umat Islam Indonesia merasa ada harapan untuk kembali ke kejayaan Islam masa lalu.

Bagi pembentang ketiga ialah Ketua Program Siswazah, Fakulti Sains Islam, Fakulti Sains Islam, Prince Songkla University, Pattani, Thailand, Profesor Madya Dr. Ibrahim Narongraksaket, dengan tajuk 'Roles of Pondok in Preserving Muslim Identity in Thailand' pula menerangkan bahawa peranan pondok sangat penting dalam mengekalkan identiti Muslim di Thailand kerana

kurikulum pelajaran di pondok banyak menjangkau sisi aqidah, ibadah dan akhlak, di mana ia adalah di antara yang paling utama sebagai identiti seorang Muslim.

Sementara pembentang dari UNISSA, iaitu Dr. Mariam binti Abd. Rahman membentangkan Kertas Kerja berjudul 'Falsafah MIB dalam Melestarikan Pendidikan di Negara Brunei Darussalam' pula menekankan menyebutkan kepentingan falsafah MIB (Melayu, Islam, Beraja) dalam memberikan keseimbangan duniawi dan ukhrawi kerana dapat mewujudkan prinsip *wasatiyyah* dalam kehidupan bernegara dan berbangsa.